



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA MINGGU EPIDEMIOLOGI 05 (28 JANUARI 2024 – 03 FEBRUARI 2024)

7 FEBRUARI 2024

Pada Minggu Epidemiologi ke-05 tahun 2024, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 3,969 kes berbanding 3,781 kes pada minggu sebelumnya. Tiada kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-05 tahun 2024.

Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga Minggu Epidemiologi ke-05 adalah sebanyak 18,427 kes berbanding 11,127 kes bagi tempoh sama tahun 2023. Manakala terdapat sembilan (9) kematian akibat komplikasi demam denggi telah dilaporkan berbanding enam (6) kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2023.


Bilangan lokaliti hotspot yang dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-05 adalah sebanyak 180 lokaliti berbanding 148 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Dari 180 lokaliti yang dilaporkan, 143 lokaliti di Negeri Selangor, 20 lokaliti di WPKL & Putrajaya, tujuh (7) lokaliti di Negeri Sembilan, empat (4) lokaliti di Negeri Perak, tiga (3) lokaliti di Negeri Pulau

Pinang, satu (1) lokaliti di Negeri Pahang, satu (1) lokaliti di Negeri Sabah dan satu (1) lokaliti Negeri Sarawak.


Bagi surveilans chikungunya, terdapat satu (1) kes direkodkan pada Minggu Epidemiologi ke-05. Jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah tiga (3) kes. Tiada wabak Chikungunya dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-05. Bagi surveilans zika, sebanyak 210 sampel darah telah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Musim perayaan dan cuti sekolah menyebabkan pergerakan masyarakat meningkat seterusnya meningkatkan risiko berlakunya peningkatan jangkitan demam denggi. Sebelum meninggalkan rumah untuk pulang ke kampung dan bercuti, pastikan tiada bekas-bekas yang boleh menakung air di rumah dan menutup semua bekas yang menyimpan air dengan rapat serta letakkan ubat pembunuh jentik-jentik. Lakukan langkah-langkah pencegahan sendiri terutama jika berada di kawasan berisiko seperti memakai pakaian berwarna cerah, menggunakan penghalau nyamuk (repelan) dan menutup anggota badan yang terdedah, terutama apabila berada di luar rumah pada waktu puncak gigitan nyamuk aedes iaitu pukul 5 pagi hingga 8 pagi dan pukul 5 petang hingga 8 malam. Sebelum memasuki rumah setelah pulang bercuti, lakukan semburan aerosol di seluruh bahagian di dalam rumah bagi membunuh nyamuk dewasa yang bersembunyi. Orang ramai boleh mendapatkan informasi penyakit demam denggi serta lokasi wabak dan *hotspots* melalui laman sesawang iDengue (<https://idengue.mysa.gov.my>). **Tiada Aedes, tiada denggi, chikungunya dan zika.**


DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN
KETUA PENGARAH KESIHATAN
7 FEBRUARI 2024




Gambarajah 1: Perbandingan kes dan kematian demam denggi Minggu Epidemiologi ke-05 & ke-04 tahun 2024



Gambarajah 2: Perbandingan kes dan kematian demam denggi sehingga Minggu Epidemiologi ke-05 tahun 2024 dan tempoh sama tahun 2023



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes mingguan demam denggi Malaysia tahun 2024 (sehingga Minggu Epidemiologi ke-05), 2023 dan median 2019-2023



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot denggi Minggu Epidemiologi ke-05 tahun 2024